

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### 1.1 Pendahuluan

Rokok bukanlah satu permasalahan yang baru dikenali di kalangan masyarakat dunia. Ia merupakan satu tabiat atau habit yang menjadi satu keinginan di dalam semua peringkat masyarakat. Namun ada sesetengah masyarakat dunia memandang bahawa merokok adalah satu masalah yang remeh-temeh yang sengaja dibesar-besarkan dengan tujuan untuk melariskan pandangan mereka. Pada hal rokok tetap menjadi suatu daya tarikan masyarakat sebagai jalan penyelesaian bagi sesuatu masalah seperti menghadapi tekanan hasil dari bebanan kerja, masalah rumah tangga, tekanan hidup, menunjukkan keunggulan melalui rokok dan yang lebih utama sekadar suka-suka sehingga membawa kepada ketagihan rokok.

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### 1.1 Pendahuluan

Rokok bukanlah satu permasalahan yang baru dikenali di kalangan masyarakat dunia. Ia merupakan satu tabiat atau habit yang menjadi satu keinginan di dalam semua peringkat masyarakat. Namun ada sesetengah masyarakat dunia memandang bahawa merokok adalah satu masalah yang remeh-temeh yang sengaja dibesar-besarkan dengan tujuan untuk mlariskan pandangan mereka. Pada hal rokok tetap menjadi suatu daya tarikan masyarakat sebagai jalan penyelesaian bagi sesuatu masalah seperti menghadapi tekanan hasil dari bebanan kerja, masalah rumah tangga, tekanan hidup, menunjukkan keunggulan melalui rokok dan yang lebih utama sekadar suka-suka sehingga membawa kepada ketagihan rokok.

Namun tumpuan mengenai isu rokok semakin lantang. Ia banyak dibicarakan sama ada melalui media elektronik, media cetak dengan pendedahan secara meluas di dada akhbar dan majalah. Persoalan mengenai rokok juga semakin hangat dibincangkan di seminar-seminar sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun di peringkat antarabangsa.<sup>1</sup>

Persoalan yang dibangkitkan lebih menjurus kepada penglibatan semua pihak secara global akibat dari rokok yang bukan sahaja melihat dari sudut perokok itu tetapi pihak-pihak lain juga yang turut menerima saham hasil dari peredaran asap rokok tersebut.

Walaupun terdapat beberapa keputusan bersama telah dicapai, namun hasrat untuk membanteras masalah merokok di kalangan masyarakat masih belum menunjukkan hasil yang positif. Secara umumnya mereka memahami tentang bahaya merokok di kalangan masyarakat tetapi mereka seolah-olah memberi jawapan yang menyokong ke arah penglibatan yang lebih hebat dalam usaha merokok termasuk membenarkan iklan-iklan rokok dipampangkan di semua tempat strategik dan juga media-massa.

---

<sup>1</sup> Najibah Hassan, Utusan Malaysia, (13 Mei 1999M/15 Safar 1420H), hal : 6; Ismail Mat, Berita Harian, (26 Mei 1999/10 Safar 1420H), hal : 8; Hassan Dinin, Berita Minggu, (9 September 2001), hal : thlmn; Raihanah Abdullah, Berita Minggu (Perspektif), (26 Mei 2002), hal : 5

Usaha-usaha untuk memerangi budaya merokok menjadi semakin kompleks apabila ia melibatkan persoalan politik, ekonomi, sosial, budaya sesebuah masyarakat sejagat<sup>2</sup> Apa yang lebih menekan usaha ini ialah persoalan hukum dari sudut agama Islam yang sedia memberi kelonggaran sehingga ke tahap hukum harus dan fatwa hukum merokok belum diwartakan.<sup>3</sup> Manakala dari satu sudut yang lain pula, muncul kumpulan yang memperjuangkan amalan merokok ini sebagai hak asasi manusia.

Oleh itu, kajian ini akan meneliti kehendak-kehendak dari segala sudut untuk menentukan keperluan sama ada rokok itu satu budaya yang membawa kepada kebaikan atau lebih kepada keburukan dalam masyarakat. Di samping itu, kajian turut melihat hukum dari aspek agama Islam berdasarkan kaedah-kaedah dan undang-undang yang diperuntukkan di dalam Islam sendiri.

Bab ini adalah amat penting kerana ia merupakan titik tolak kepada perbincangan selanjutnya. Peranannya ialah memberi gambaran keseluruhan terhadap penyelidikan ini. Implikasinya ialah menyediakan diri dan minda terhadap persoalan-persoalan yang akan diketengahkan kemudian. Adalah diharapkan usaha-usaha ini mampu menyelesaikan persoalan di kalangan masyarakat mengenai masalah rokok.

---

<sup>2</sup> Fadzlena Jafar, Berita Harian, (1 Jun 2000), hal : 5

<sup>3</sup> Ibid. Utusan Malaysia, (17 Jun 1999M/3 Rabiulawal 1420H), hal : thlmn.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Umumnya masyarakat melihat merokok adalah amalan biasa dan telah menjadi 'trend' dalam masyarakat yang berorientasikan kemajuan dalam semua bidang terutamanya ekonomi negara yang semakin berkembang. Tembakau dan rokok pula telah menjadi antara sumber pendapatan negara.

Jadi rata-rata penduduk dan pemimpin negara berpendapat bahawa tembakau dan rokok tidak boleh dihapuskan memandangkan pendapatan hasil jualan dan perolehan dari keduanya amat besar dalam sektor percukaian negara. Tidak ada pihak yang berani memberi pendapat untuk menghapuskannya kerana hasil dari sumber tersebut turut memberi keuntungan kepada pelbagai pihak terutamanya kaum tani yang mengusahakan tanaman tembakau tersebut.

Manakala hasil pendapatan cukai yang dikenakan dari kedua-dua perkara di atas akan disalurkan kepada rakyat juga. Di samping itu juga, syarikat-syarikat pengeluar rokok turut memberi sumbangan 'ikhlas' atas nama aktiviti sosial mereka telah berjaya mengabui mata masyarakat supaya memberi sokongan terhadap mereka.<sup>4</sup>

---

<sup>4</sup> Simpson D (1991). *The Anti Smoking Movement, National and International in the International Handbook of Addiction Behaviour* by Glass, London and New York, hal : 320 - 325.

Rentetan dari perkara-perkara di atas, maka tembakau dan penjualan rokok terus kukuh di mata masyarakat dan negara sehingga hasil penjualan tersebut menunjukkan peningkatan yang begitu ketara sejak akhir-akhir ini.

:

Terdapat juga bukti-bukti yang menunjukkan bahawa budaya merokok ini telah menyerang di kebanyakan negara-negara membangun sehingga memberi masalah besar ke atas kerajaan negara masing-masing untuk membanteras perokok-perokok tersebut.<sup>5</sup>

Antaranya termasuklah negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Apa yang memeranjatkan ialah bilangan perokok di negara-negara ini mengalami pertumbuhan yang amat pesat. Sebagai bukti, berdasarkan 'survey' yang dilakukan sekitar tahun 1980'an, sebanyak 57% penduduknya adalah perokok.<sup>6</sup> Ini berdasarkan kepada jumlah pesakit jantung dan paru-paru pada tahun mendatang.

Anggaran yang dikeluarkan oleh Badan Kesihatan Dunia ( WHO ) pula menunjukkan bahawa sejumlah 3.5 juta kematian menjelang tahun 2025 adalah diakibatkan dari amalan merokok. Dari jumlah tersebut, sebanyak 80% kematian tertumpu di negara-negara membangun.<sup>7</sup>

---

<sup>5</sup> Ibid

<sup>6</sup> Chapman S and Wong L (1990), *Tobacco Control in the Third World : A Resource Atlas*, Penang : IOCU, hal : 163 - 167, Lee P. H (1989), *Smoking in Developing Countries : Real cause for concern?*, bil. 16, Medical Progress, hal : 5 - 6.

<sup>7</sup> Tominaga S (1985), *Spread of Smoking to the Developing Countries in Tobacco, A Major International Health Hazard*, Zaridze D and Peter R., bil. 74, WHO IARC Scientific Publication, hal : 125- 133

Kesimpulan yang dapat dinyatakan di sini bahawa penyelidikan berkaitan hukum merokok yang berlaku kini perlu dilakukan secara menyeluruh supaya dapat memberi gambaran yang sebenar dari segi hukum yang akan dikemukakan nanti.

### 1.3 Kepentingan Kajian

Berasaskan kepada keadaan merokok yang semakin berleluasa di negara kita, maka adalah perlu kita melihat tahap kesedaran masyarakat dan keyakinan mereka terhadap pemakaian hukum Islam untuk mewujudkan masyarakat yang bebas merokok.

Keadaan ini perlu, memandangkan satu pihak telah menyediakan prasarana berorientasikan rokok dan satu pihak lagi terpaksa menghadapi ancamannya, kesan dari rokok. Pihak pertama ini tidak sedar bahawa amalan mereka itu memberi kesan negatif terhadap dirinya sendiri dan orang lain selain dari kurang kefahaman tentang kesihatan. Manakala satu pihak lagi terpaksa bertungkus-lumus berusaha untuk mengelak diri dari bahaya rokok.

Berasaskan keadaan ini, maka pengkaji melihat satu keperluan untuk membuat kajian berhubung masalah rokok yang melanda masyarakat pada hari ini. Tenaga semua pihak perlu digembung untuk menilai sama ada rokok ini menjadi bahan asas dalam keperluan hidup manusia pada hari ini atau pun tidak. Jika ia perlu, maka apakah kemungkinan-kemungkinan lain yang diperlukan. Sekiranya tidak, maka atas alasan apakah ianya perlu dihapuskan?. Manakala peranan yang bagaimanakah yang seharusnya dimainkan oleh semua lapisan masyarakat untuk menghapuskannya?

Sekarang ini bukan masanya untuk menudung jari sesama sendiri bagi menunjukkan siapa yang benar dan siapa yang salah. Perkara yang penting ialah mencari rumusan sesuai yang seharusnya dilaksanakan bagi mengawal dan seterusnya menghapuskan tabiat merokok di semua peringkat masyarakat pada hari ini.

Pengkaji merasakan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh semua golongan, termasuk masyarakat Islam. Golongan pendidik dan terpelajar sudah tentu dapat merasakan peranan mereka adalah amat besar. Dalam hal ini, sudah tentu tenaga dan fikiran yang bernalas dapat ditonjolkan untuk kebaikan semua pihak terutama kajian ini melibatkan tuntutan agama terhadap mereka.

Rentetan dari perkara ini, satu penyelesaian diharap dapat dilakukan terutama dalam memfokuskan satu bentuk hukum syarak yang menyeluruh, sesuai dengan sosiobudaya masyarakat Malaysia pada hari ini.

Kepentingan-kepentingan lain hasil dari kajian ini ialah ia dilihat sebagai satu bentuk penyelidikan yang boleh dikembangkan melalui penyelidikan-penyalidikan yang akan datang dalam mengemas-kini keperluan hukum sesuai dengan perubahan masa dan keadaan.

Hakikat ini dilihat sebagai perkara yang perlu diterima oleh pengkaji-pengkaji yang lain di mana dengan sumbangan-sumbangan data-data dan maklumat dalam kajian ini akan membantu serta meringankan tugas dalam menyediakan kajian-kajian mereka.

Akhirnya, pengkaji mengharapkan supaya hasil kajian ini dapat menyumbang sesuatu yang berharga kepada ilmu Islam yang ruang lingkupnya amat luas.

#### 1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Secara realitinya, masyarakat Malaysia terpengaruh dengan budaya rokok terutama keadaan ini telah menular di kalangan para muda-mudi. Ia memberi kesan yang amat mendalam, terutama di dalam usaha kerajaan membanteras jenayah dadah, membazir tanpa tujuan sebenar dan sebagainya.

Gejala ini berkembang seiring dengan perkembangan ekonomi negara. Maka keadaan ini seolah-olah dibiarkan dengan alasan, ia boleh membantu menuju ke arah negara maju dan kebebasan diri.

##### 1.4.1 Tujuan Kajian

Maka kajian ini cuba membantu untuk menjelaskan kepada umum berkaitan masyarakat Malaysia menjelang abad ke-21 ini. Melalui penekanan aspek merokok ini selari dengan negara melangkah ke abad baru, akan dapat menghuraikan secara terperinci realiti sosiobudaya dan ekonomi masyarakat kita.

Dengan adanya kajian seperti ini, maka ia dapat membantu masyarakat dan negara untuk menyelesaikan isu-isu tertentu yang sedang melanda golongan remaja kita pada hari ini.

#### 1.4.2 Objektif Kajian

Walau pun isu berkaitan dengan rokok ini mengganggu sensitiviti dan ‘privacy’ sesetengah masyarakat dan di sebelah pihak yang lain sedang mengaut keuntungan melaluiinya, tetapi isu ini tidak boleh didiamkan dengan begitu sahaja. Hanya mereka yang terlibat dengan rokok sahaja yang tahu akan masalah untuk menghapuskan gejala merokok di dalam diri mereka. Manakala di satu pihak yang lain pula, mengetahui bahawa rokok membawa pulangan yang amat lumayan.

Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan objektif kajian kepada dua iaitu; objektif umum dan khusus. Objektif umum kajian ini adalah untuk mengetahui hukum yang jelas boleh digunakan dalam amalan merokok sekarang ini.

Keadaan ini termasuklah ciri-ciri hukum yang digunakan menerusi pandangan-pandangan fuqaha’ serta keadaan-keadaan yang sesuai dengan persekitaran budaya merokok di kalangan masyarakat di tempat kajian.

Di samping mengetahui jumlah dan anggaran perokok di kawasan kajian, pengkaji menetapkan objektif khusus iaitu untuk mengenali hukum merokok yang sesuai untuk digunakan di kalangan masyarakat perokok khususnya dan masyarakat bebas dari rokok pada amnya. Ini membuatkan pengkaji mengklasifikasikannya mengikut sektor-sektor.

Hasil dari objektif ini dapat mengenal pasti kumpulan-kumpulan yang boleh dibantu dan diselamatkan dari amalan merokok. Selain dari itu juga, kajian ini boleh mencadangkan penggunaan hukum syarak yang sesuai terhadap pengamal-pengamal rokok tersebut.

Di samping itu juga, objektif khusus lain ialah untuk mencadangkan cara alternatif yang sesuai bagi membasmi atau sekurang-kurangnya mengurangkan budaya merokok di kawasan kajian ini.

### 1.5 Kaedah Penyelidikan

Dalam membuat kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa adalah lebih baik menggunakan penyelidikan yang tertentu supaya penyelidikan dapat dilakukan dengan berkesan. Ini termasuklah membuat penyelidikan dan mengumpul data sama ada secara langsung atau pun tidak secara langsung dengan subjek kajian. Tujuannya ialah menyediakan kajian yang meliputi amalan merokok di semua peringkat masyarakat di kawasan liputan kajian ini dilakukan.

Dalam memilih metodologi kajian, pengkaji berpendapat kaedah 'Kualitatif dan Deskriptif'<sup>8</sup> dianggap sesuai dengan tajuk kajian. Ini memandangkan pengkaji membuat kajian berhubung hukum Islam dan menyelidik tentang cara hidup sesuatu komuniti masyarakat yang mengamalkan rokok sebagai salah satu dari budaya hidup mereka.

---

<sup>8</sup> Deskriptif ialah satu kajian untuk menghuraikan keadaan yang telah sedia wujud seperti tajuk kajian

Selain dari itu, pengkaji turut melihat bahan-bahan bercetak iaitu dengan menggunakan penyelidikan perpustakaan supaya kajian bersifat lebih baik. Ini kerana pengkaji menyedari data dan rumusan bagi masyarakat yang dikaji tidak boleh digunakan untuk membuat satu generalisasi yang meliputi masyarakat lain.

Menerusi kaedah ini, pengkaji mengguna teknik pemerhatian ikut serta; iaitu pemerhatian yang berbentuk secara langsung sama ada secara terbuka seperti temubual untuk menentukan respons mereka dan survey atau secara tertutup. Dengan itu segala kajian yang dilakukan adalah bertepatan dengan maksud kajian untuk mendalami keadaan sebenar dan realiti masyarakat perokok.

Pengkaji menggunakan kaedah ini kerana maklumat yang diperoleh dianggap tepat dan meyakinkan kerana pengkaji menaksir dan mengumpulkan data utama dengan sendiri terutama pengkaji berada pada kawasan kajian sedang dijalankan.

Selain itu juga, pengkaji dapat memperoleh maklumat yang pada hemat responden adalah maklumat biasa. Dengan itu, hasil kajian akan lebih menjurus kepada teknik kualitatif. Di samping itu, pengkaji akan berpeluang untuk mengumpul data sebanyak mana yang diperlukan. Ini secara tidak langsung mengurangkan jurang perbezaan di hati mereka serta mengubah pandangan negatif mereka terhadap kajian yang dibuat. Apabila keadaan ini berlaku, ia memudahkan perhubungan dan kerjasama antara kedua-dua pihak.

Maka dapatan kajian pada akhirnya adalah bertepatan dengan maksud kajian yang sedang dilakukan.

## 1.6 Reka Bentuk

Di dalam memfokuskan kajian ini, pengkaji bersumberkan dua data iaitu data primer dan data sekunder. Data-data yang diperoleh itu adalah tertumpu di bawah lingkungan kawasan kajian berkenaan.

Untuk memperoleh data primer, pengkaji berpendapat bahawa teknik pemerhatian perlu dilakukan sehingga dapatan mengenai pengamalan merokok di kawasan kajian akan lebih menepati maksud tajuk kajian. Ini kerana pelaksanaan amalan merokok di tempat kajian adalah untuk menilai pemakaian hukum yang lebih sesuai ke atas masyarakat perokok khasnya dan masyarakat yang tidak merokok amnya.

Pengkaji turut menyedari bahawa setiap data mempunyai kelebihannya yang tersendiri. Maka atas tujuan untuk melengkapkan hasil dapatan yang lebih baik, pengkaji turut menggunakan data sekunder bagi menyokong data primer di atas. Pengkaji terpaksa memperolehnya melalui hukum-hukum yang disasarkan terhadap individu-individu tertentu yang merokok. Selain itu, atas tujuan untuk melengkapkan hasil dapatan yang lebih baik, pengkaji turut menggunakan kajian perpustakaan bagi menyokong data primer. Penggunaan data ini telah dilakukan sejak dari awal penglibatan kajian ini dilakukan. Melalui data ini, adalah diharapkan hasil kajian akan lebih bermanfaat serta mengukuhkan data primer yang sedia ada.

Sasaran hukum yang diperoleh adalah menerusi fuqaha' yang mewakili dua zaman iaitu fuqaha' sejak zaman awal Islam sehingga ke awal kurun 15 hijrah dan fuqaha' kontemporari. Hasil dari dua kumpulan ini, pengkaji mengenal pasti tiga bentuk hukum yang telah digunakan dalam setiap perbahasan iaitu harus, makruh dan haram. Setiap hukum itu akan dikembangkan perbahasannya pada hasil kajian nanti.

Dengan adanya hasil dapatan ini, barulah pemakaian hukum yang menyeluruh dapat dikembangkan ke atas semua masyarakat.

#### 1.7 Pemilihan Subjek

Secara umumnya, masyarakat di negara kita, Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga golongan iaitu kelas atasan atau elit, kelas menengah atau pertengahan dan kelas bawahan. Pengelasan ini berdasarkan pembahagian pada sektor pekerjaan dan cara hidup mereka.

Kelas atasan atau elit ini adalah terdiri dari golongan istana, anggota kerabat diraja, orang-orang besar dan orang-perseorangan yang berpendapatan tinggi.

Manakala kelas pertengahan pula ialah orang-orang yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Hasil dari pendidikan itu, mereka memperoleh pekerjaan yang baik serta mampu menyediakan keperluan sendiri hasil dari sumber pendapatan mereka. Kebiasaannya, golongan ini menceburi sektor-sektor swasta dan badan-badan kerajaan yang berkedudukan pegawai syarikat atau pegawai kerajaan.

Bagi kelas yang ketiga pula, mereka ini dirujuk sebagai kumpulan yang masih mempunyai tahap pendidikan yang sederhana dan ke bawah. Mereka ini digolongkan dalam kumpulan miskin di mana kebiasaannya mereka tinggal di kawasan-kawasan kampung dan pedalaman.

Berdasarkan dari pecahan kedudukan masyarakat ini, dapat dikatakan bahawa masalah merokok adalah satu gejala sosiobudaya yang melanda di kebanyakan negara yang umumnya dikenali sebagai negara yang dipengaruhi hasil dari bekas jajahan negara-negara asing selama beberapa abad atau dekad.

Kesan yang nyata ialah hampir keseluruhan kelas golongan di atas telah dipengaruhi oleh rokok. Keadaan ini ditambah pula dengan proses urbanisasi masyarakat yang lebih liberal dalam beragama dan sosial, dan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan di mana secara keseluruhannya mendapat manfaat.

Oleh itu, subjek yang telah dipilih ialah masyarakat yang merokok di sekitar kawasan Masjid Tanah, Melaka. Populasi terhadap kawasan kajian melibatkan sejumlah responden iaitu beberapa orang responden yang mempunyai latar belakang yang kukuh mengenai rokok dan kesan-kesan rokok. Penetapan jumlah ini adalah bersesuaian dengan maksud kajian supaya ia menjadi lebih tepat dan berkesan.

## 1.8 Instrumen

Dalam meneruskan kajian ini, pengkaji menggunakan dua instrumen; iaitu kajian terhadap buku-buku dan hasil tulisan yang berkaitan dengan maksud kajian, dan pemerhatian dengan menggunakan beberapa kaedah tertentu.

Instrumen pertama yang sesuai digunakan dalam kajian ini ialah buku-buku fikih sama ada yang turath (lama) atau yang baru yang mana di dalamnya membincarkan persoalan hukum-hukum rokok yang pernah diutarakan oleh para fuqaha' serta perbincangan mereka mengenainya secara terperinci. Kajian ini penting untuk membuat satu penilaian hukum ke atas masyarakat perokok masa kini supaya ada kesesuaian dan hubungan hukum antaranya dengan penetapan hukum yang pernah dinyatakan oleh para fuqaha' terdahulu.

Di samping itu, maklumat-maklumat lanjut mengenai rokok turut disenaraikan bagi memperkuatkan kenyataan terhadap kajian. Ini termasuklah maklumat-maklumat dari pihak tertentu seperti Jabatan Kesihatan, doktor serta pakar-pakar Kaunseling.

Manakala instrumen yang kedua pula adalah pemerhatian. Ia termasuklah temu-bual yang berperingkat-peringkat selain menggunakan beberapa kaedah tertentu. Maklumat-maklumat ini adalah lebih meyakinkan tentang hasil kajian. Ini memandangkan kajian ini berbentuk struktur sosial. Dapatan ini akan dikaitkan dengan pandangan-pandangan fuqaha'. Hasilnya ialah kita dapat membuat satu rumusan yang sesuai terhadap hukum bagi pengamal-pengamal rokok.

## 1.9 Teknik Pengumpulan Data

Untuk membuat pengumpulan data yang benar-benar ilmiah, maka sudah tentu ia memerlukan teknik pengumpulan yang sesuai dengan maksud kajian. Ini bertujuan agar pengumpulan data dapat memenuhi kehendak tajuk yang sedang dikaji. Ia amat penting kerana tanpanya, maksud pengisian data akan menyimpang dari kaedah penyelidikan.

Di dalam mengumpul bahan kajian ini, pengkaji menggunakan sampel penyelidikan berdasarkan dua bentuk iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Kedua-dua kaedah ini akan dihuraikan seperti di bawah.

### 1.9.1 Kaedah Penyelidikan Perpustakaan

Secara umumnya, pengkaji telah menggunakan kaedah penyelidikan ini sejak dari peringkat awal lagi di dalam mencari tajuk yang bersesuaian.

Pengkaji telah membuat kajian dan penelitian dari kajian-kajian yang terdahulu sehingga pengkaji dapat mengenal-pasti punca masalah yang berlaku dan cuba memenuhi ruang kosong tersebut.

Setelah mendapat tajuk yang sesuai, pengkaji berusaha mencari bahan-bahan yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Bahan-bahan tersebut termasuklah bahan-bahan yang telah dihasilkan mahu pun bahan yang sedang diterbitkan. Antaranya kitab-kitab di dalam pelbagai versi bahasa seperti buku-buku Bahasa Arab, Bahasa

Inggeris, Bahasa Malaysia, Monograf, Tesis, Risalah, Majalah, Kertas kerja dan seumpamanya. Maklumat-maklumat ini dianggap penting kerana dengannya akan memudahkan penyelesaian kajian selain menyediakan cadangan kajian.

Dengan adanya maklumat-maklumat di atas, pengkaji merasakan masalah kajian ini boleh dikurangkan. Seterusnya pengkaji akan mendapat kesimpulan semasa membuat kajian dari beberapa sudut. Antaranya ialah pandangan-pandangan para fuqaha' terdahulu serta pakar-pakar kesihatan terhadap tajuk kajian ini.

Selain dari itu juga, pengkaji sekali lagi menggunakan kaedah penyelidikan ini, apabila membuat senarai rujukan terhadap kitab-kitab yang telah digunakan.

Untuk menyesuaikan kajian ini supaya setanding dengan metodologi kajian yang diperlukan, kaedah di atas digunakan. Kaedah-kaedah ini boleh didapati di dalam bahan-bahan bacaan termasuk buku-buku, liputan-liputan media massa yang ada dan sebagainya. Cara ini turut menambahkan pengetahuan pengkaji dalam meneruskan kajian.

Pengkaji cuba berusaha mendapat dan mengkaji bahan-bahan kajian terdahulu yang mempunyai persamaan maksud dengan tajuk kajian. Ini bertujuan untuk memahami secara mendalam tentang maksud kajian dan seterusnya mencapai objektifnya.

Selain dari itu, pengkaji dapat berkongsi masalah-masalah yang pernah dihadapi oleh pengkaji-pengkaji peringkat awal di dalam menggunakan kaedah-kaedah penyelidikan ini. Pengkaji turut berharap supaya dapat mengurangkan masalah-masalah yang pernah dihadapi.

### 1.9.2 Kaedah Penyelidikan Lapangan

Pengkaji merasakan untuk melengkapkan kajian ini, adalah sebaiknya kaedah penyelidikan lapangan digunakan. Tujuannya ialah untuk menyempurnakan kajian sebaik-baiknya.

Langkah ini dianggap sebagai perlu kerana bukan semua maklumat boleh diperoleh melalui kaedah penyelidikan perpustakaan kerana kaedah ini turut mempunyai kelemahannya yang tersendiri. Keadaan ini dapat dibuktikan terutama di dalam menyediakan maklumat-maklumat yang terkini kepada pengkaji untuk meneruskan kajian.

Kaedah penyelidikan lapangan ini dibuat menerusi dua bentuk. Pertama, melalui temu bual dengan sejumlah responden yang datang dari pelbagai kategori pendidikan yang berlatarbelakangkan masyarakat di tempat kajian tersebut. Temu bual dijalankan ke atas pegawai-pegawai di sektor kerajaan, sektor swasta dan orang perseorangan kerana merokok memerlukan sejumlah perbelanjaan tertentu sama ada dalam jangka masa pendek dan panjang. Perkara ini difikirkan sesuai memandangkan prinsip perokok-perokok yang beranggapan bahawa isu yang berkaitan dengan rokok ada hubung-kait dengan sensitiviti mereka, sulit dan bersifat peribadi.

Temu bual dijalankan untuk mengenal pasti punca-punca yang membawa mereka kepada merokok. Ini memandangkan di antara satu individu dengan individu yang lain mempunyai sebab-sebab yang berbeza sehingga membawa mereka ke arah amalan tersebut. Secara umumnya, mereka terpengaruh berdasarkan faktor budaya masyarakat sekitar yang kebanyakannya merokok sehingga memaksa perasaan untuk mencuba mendorong mereka ke arah tersebut. Terdapat juga segolongan di antara mereka disebabkan tekanan perasaan termasuk juga suasana di sekitar tempat kerja.

Kaedah yang kedua yang dilakukan ialah kaedah soal selidik. Kaedah ini dibuat berdasarkan pengambilan bilangan masyarakat yang datang dari pelbagai sektor dalam masyarakat. Soal selidik ini dijalankan secara tidak formal dan berbentuk rawak yang mana di dalam kaedah ini soalan yang dikemukakan untuk mendapatkan maklumat pendapatan serta jumlah wang yang diperuntukkan bagi mendapatkan rokok. Hasil dari kaedah ini digunakan untuk menilai populasi yang lebih besar lagi. Selain itu, pengkaji secara umum turut mengambil kira hukum merokok yang mereka amalkan. Ini bertujuan untuk mengenal-pasti kedudukan hukum yang sebenarnya di kalangan masyarakat perokok selain menetapkan hukum yang paling sesuai dengan keadaan semasa menerusi hasil kajian nanti.

Menerusi kedua-dua kaedah kajian ini, adalah diharapkan supaya hasil penyelidikan ini benar-benar menghasilkan sesuatu pengetahuan yang berguna untuk pengamatan masyarakat serta menimbulkan satu kesedaran akibat dari amalan merokok.

Selain itu, pengkaji turut menggunakan pendekatan secara pemerhatian. Ini bertujuan untuk melengkapkan data-data yang telah diperolehi. Ini kerana bukan semua responden yang dikaji boleh memberi pendapat yang benar-benar lahir dari kehendak mereka memandangkan mereka turut menyimpan beberapa perkara yang sukar untuk dinyatakan secara terang-terangan. Ini mungkin dikaitkan dengan sensitiviti mereka termasuk juga perasaan curiga terhadap kajian yang dilakukan. Dengan teknik ini, diharapkan boleh membantu menambahkan pengetahuan pengkaji terhadap kajian yang sedang dijalankan.

#### 1.10 Strategi Data

Setelah pengkaji memperoleh kesemua data yang diperlukan untuk maksud kajian, maka pengkaji terpaksa membuat strategi tertentu supaya penyusunan data adalah lengkap dan menepati sasaran subjek kajian.

Kesemua data yang telah diperoleh disusun dalam bentuk pandangan-pandangan mengikut kategorinya yang tertentu iaitu haram, makruh dan harus serta haram kerana mudarat yang terperinci. Kategori ini dibahagikan kepada dua bentuk iaitu pandangan-pandangan yang diambil dari "ulama awal hingga ke awal abad 15 Hijrah. Manakala bentuk kedua pula terdiri daripada pandangan "ulama kontemporari. Ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pengkaji dan pengkaji-pengkaji terkemudian dalam mengendalikan data-data yang diperoleh.

Setelah dikumpulkan kesemua pandangan-pandangan ini, pengkaji mula meninjau hujah-hujah yang dikemukakan oleh setiap pandangan tersebut. Hujah-hujah yang dikemukakan terdiri dari ayat-ayat al-Quran, as-sunnah, ijma'k, qiyas dan tidak kurang juga ijtihad-ijtihad mereka sama ada menggunakan dalil naqli maupun dalil akal kerana sesuai dengan kelayakan mereka sebagai faqih. Ini bertujuan untuk dibuat penilaian ke atas setiap hujah itu kemudian nanti.

Perkara yang turut disebut di dalam penyelidikan ini termasuklah jenis-jenis kandungan yang wujud di dalam rokok menurut pendapat pakar-pakar kesihatan. Di samping itu juga, dinyatakan pandangan-pandangan dari sudut kesihatan mengenai subjek yang dikaji. Perkara ini penting memandangkan pengkaji cuba menilai suatu hukum yang sesuai dengan keperluan semasa. Di samping itu juga, bahan-bahan yang terkandung di dalam rokok adalah bahan-bahan kimia berbentuk baru sesuai dengan teknologi dan kehendak semasa. Maka tidak hairanlah, kajian ini diteruskan bagi meninjau hukum yang bersesuaian.

### 1.11 Analisis Data Kajian

Apabila kesemua data; sama ada melalui penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan, telah diperoleh, maka pengkaji mula mengumpul bahan-bahan tersebut ke dalam beberapa bentuk. Tujuannya adalah untuk menganalisis setiap data yang diperoleh dengan sebaik-baiknya. Ini penting kerana sekiranya berlaku kesilapan, maka data-data tidak dapat digambarkan secara jelas dan ini mungkin menjelaskan hasil dapatan kajian yang dibuat.

Selain membuat analisis terhadap hasil dapatan kajian, ia juga berperanan untuk mengenal-pasti kelemahan yang dihadapi semasa membuat kajian. Dengan itu, suatu bentuk penyelesaian masalah boleh dibuat terhadap kelemahan itu supaya keberkesanan kajian dapat dilaksanakan. Jadi keputusan yang diperoleh adalah tepat dan berkesan.

Menerusi penyelidikan perpustakaan, segala data tersebut dianalisis dengan mengambil segala perkara yang berkaitan dengan tajuk yang sedang dikaji. Ini termasuklah definisi setiap maksud, pandangan-pandangan setiap aliran mazhab di dalam Islam, perbincangan secara menyeluruh mengenainya. Ini termasuklah kesesuaian sesuatu hujah yang dikemukakan oleh setiap pandangan dan penolakan hujah-hujah yang dibawa. Akhirnya, suatu pandangan yang paling sesuai untuk disesuaikan dengan keperluan kajian dan permasalahan masyarakat.

Pandangan yang sesuai ini dilihat dari kepelbagaiannya sudut perbahasan supaya hukum ini tidak ditolak dengan sewenang-wenangnya selain hujah yang digunakan oleh pengkaji sendiri dengan melihat keperluan semasa menerusi hasil penyelidikan.

Manakala penyelidikan lapangan pula, pengkaji menganalisis dengan menggunakan bentuk peratusan dan tahap skor terhadap amalan merokok. Pengkaji telah meneliti data yang diperoleh. Dalam penyelidikan ini, kajian yang dianalisis ialah masyarakat perokok. Mereka terdiri daripada kaum lelaki dan perempuan, sama ada mereka yang telah berkahwin atau pun bujang. Setiap perokok dianalisis dan dikategorikan mengikut tahap-tahap ketagihan mereka. Pengkaji turut mengambil-

kira tahap umur perokok dan tempoh merokok yang telah dilalui. Tahap umur kajian bermula dari lapan belas tahun dan ke atas. Kemudian pengkaji membuat pengasingan tahap mengikut jangkauan umur mengikut tahap minimum dan maksimum.

Daripada analisis kajian ini, subjek yang dijadikan tumpuan ialah hukum merokok dan tata cara hidup dengan merokok. Sejauh mana rokok memainkan peranan dalam kehidupan mereka. Bagaimana mereka membelanjakan sebahagian pendapatan yang diperoleh untuk merokok.

Subjek sampingan yang turut diselidik ialah pemboleh ubah bagi pendidikan, latar belakang keluarga, pekerjaan dan pendapatan, tabungan untuk jangka masa depan,budaya merokok dan lain-lain. Dalam pada itu juga, sejarah yang membawa mereka merokok turut diambil kira dalam subjek sampingan ini. Ia bertujuan sebagai menyokong data-data yang telah tersedia ada.

#### 1.12 Skop Kajian

Kajian ini hanyalah meliputi isu-isu berkaitan dengan rokok yang semakin menular di kalangan masyarakat. Maka tujuan batasan kajian dibuat ialah untuk menjaga dan mengelakkan pengkaji dari menyimpang maksud asal kajian.

Selain dari itu, kajian ini tertumpu kepada masyarakat Melayu yang terdapat di dalam kawasan kajian. Takrif Melayu ini boleh diertikan dengan mengikut Perlembagaan sebagai orang yang beragama Islam. Manakala mana-mana orang yang selain dari Melayu Islam adalah terkeluar dari maksud kajian.

Terdapat juga golongan Melayu yang bukan beragama Islam. Maka mereka dianggap sebagai tidak termasuk di dalam sektor kajian ini. Ada juga orang-orang Islam yang terdiri dari bangsa-bangsa lain seperti Cina Muslim dan India Muslim. Mereka ini tidak termasuk di dalam golongan ini juga.

Kajian penyelidikan ini ditumpukan kepada satu kawasan tertentu sahaja iaitu di kawasan Masjid Tanah, Melaka iaitu satu kawasan yang terletak di bawah Majlis Daerah Alor Gajah, Melaka. Penumpuan di kawasan ini adalah berdasarkan kepada beberapa pertimbangan yang sewajarnya. Tanpa batasan tertentu, maka kaedah penyelidikan tidak mencapai hasrat yang dikehendaki dalam menyediakan keputusan yang sebenar.

Di samping itu, kajian ini hanyalah meliputi masyarakat perokok sahaja. Mereka merupakan golongan sasaran yang dikenal pasti untuk diselidiki. Dengan ini suatu keputusan yang jelas akan diperoleh di dalam mencapai maksud kajian. Manakala mereka yang tidak merokok adalah terkeluar dari maksud kajian.

Tambahan lagi, masyarakat perokok datang dari pelbagai sektor di sekitar taburan kawasan penyelidikan yang dijalankan. Dengan itu, satu penyelidikan yang berasaskan sektor-sektor kehidupan dapat difokuskan secara lebih mendalam dan usaha untuk memperoleh data-data tambahan dianggap sebagai berjaya.

Perkara yang utama dalam limitasi ini ialah pandangan-pandangan fuqaha' berkenaan dengan tajuk kajian. Fuqaha' terbahagi kepada dua kumpulan iaitu fuqaha' sejak zaman awal Islam sehingga ke zaman awal kurun 15 hijrah. Manakala kumpulan yang kedua pula ialah fuqaha' kontemporari atau fuqaha' semasa. Mereka inilah yang diberi perhatian oleh pengkaji dalam mendapatkan makluman yang sesuai untuk menentukan hukum dalam kajian ini. Ini kerana kedudukan mereka yang begitu hampir dengan masyarakat sekarang serta memahami keadaan persekitaran mengenai rokok. Walau bagaimanapun, pengkaji tetap tidak membelakangkan penemuan-penemuan fuqaha' zaman awal berkaitan kajian. Pengkaji bertujuan untuk menilai pemakaian hujah di antara kedua-dua zaman ini.

### 1.13 Limitasi Kajian

Apabila menjalankan sesuatu kajian, maka setiap pengkaji tidak terlepas dari pelbagai masalah untuk menyediakan hasil kajian yang mantap. Pengkaji turut menghadapi masalah yang sama.

Di dalam mendapatkan data dan maklumat dari berbagai sumber, pengkaji mendapati kerentan birokrasi antara masalah yang ketara. Mereka kurang memberi perhatian dan maklumat. Ini ditambah pula dengan kesibukan bekerja untuk menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan agar kerja-kerja mereka tidak tertangguh. Pengkaji terpaksa akur dengan keadaan sedemikian.

Walau bagaimanapun, hasil sokongan dari pensyarah, penyelia dan rakan-rakan, data-data tersebut dapat disiapkan dengan sebaiknya. Maka pengkaji menganggap masalah di atas adalah sebagai satu cabaran yang positif di dalam menghasilkan kajian yang baik.

Pengkaji juga menghadapi masalah lain di mana tiada badan khas yang menguruskan bidang ini. Keadaan ini mungkin disebabkan kawasan kajian adalah terletak di kawasan yang jauh dari pusat bandar. Ini menyebabkan pengkaji menghadapi kesulitan untuk menganalisis data sehingga terpaksa mencari sendiri bahan-bahan dari pelbagai sektor yang lain.

Pengkaji terpaksa menerima hakikat bahawa wujudnya perasaan curiga di kalangan masyarakat perokok terhadap kajian yang dijalankan. Kesannya, mereka kurang memberi kerjasama untuk memberi maklumat yang diperlukan. Jadi pengkaji terpaksa menyediakan sebahagian kajian yang bersifat umum. Walau bagaimanapun, ia tidak lari dari maksud kajian yang asal kerana beberapa elemen yang tidak dimasukkan hanyalah melibatkan sejumlah kecil masyarakat perokok. Ini tidak mengganggu hasil kajian yang dijalankan.

#### 1.14 Definisi Istilah

Untuk mencapai maksud kajian yang lebih sempurna, maka pengkaji membawa beberapa definisi istilah<sup>2</sup> sesuai dengan tajuk kajian. Definisi ini berkisar pada pandangan fuqaha' dan kamus istilah. Antara istilah-istilah tersebut seperti di bawah;

- a- Merokok : iaitu perbuatan menghisap rokok
- b- Masyarakat : iaitu kumpulan manusia yang hidup bersama dalam suatu tempat dengan aturan-aturan dan cara tertentu.
- c- Melayu : iaitu nama satu bangsa dan bahasa
- d- Hukum : iaitu peraturan yang dibuat oleh sesuatu kekuasaan atau orang yang pakar dalam ilmu hukum.